



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 October 2015

um - 17/10/2015
PM ucap
takziah kepada
keluarga
Abdul Kadir

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Talib yang meninggal dunia kerana sakit tua.

Perdana Menteri turut mendoakan agar roh bekas Mufti Wilayah Persekutuan yang banyak berjasa kepada negara dan umat Islam itu dicucuri rahmat oleh Allah SWT.

“Takziah atas pemergian Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Talib. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau. Al-Fatihah,” katanya menerusi Twitter hari ini.

Abdul Kadir, 86, yang juga bekas Imam Besar pertama Masjid Putra di Putrajaya meninggal dunia di Pusat Perubatan Tropicana, Petaling Jaya, pada jam 6.40 pagi ini.